

Malaysia rekod RM42.8 bilion pelaburan diluluskan

PETALING JAYA: Malaysia telah menarik sejumlah RM42.8 bilion (AS\$10.2 bilion) pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan utama yang melibatkan sebanyak 910 projek pada Januari hingga Mac 2022.

Pelaburan langsung asing (FDI) kekal sebagai penyumbang utama pada 65 peratus atau RM27.8 bilion (AS\$6.6 bilion), manakala pelaburan daripada sumber domestik menyumbang 35 peratus berjumlah RM15 bilion (AS\$3.6 bilion).

Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), pelaburan yang diluluskan untuk tempoh terse-

but akan mewujudkan 24,906 pekerjaan baharu di negara ini.

“Dalam tempoh tersebut, sektor pembuatan terus memainkan peranan penting dalam memacu pemulihan ekonomi negara, menyumbang lebih separuh (70.1 peratus) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM30 bilion (AS\$7.1 bilion), diikuti oleh sektor perkhidmatan pada RM12.7 bilion (AS\$3 bilion) (29.7 peratus) dan sektor utama RM0.1 bilion (AS\$40.4 juta) (0.2 peratus).

“FDI menyumbang 65 peratus atau RM27.8 bilion (AS\$6.6 bilion) daripada pelaburan yang diluluskan,” menurut kenyataan itu.

Jerman mendominasi pela-



buran asing bagi tempoh Januari hingga Mac 2022 dengan pelaburan berjumlah RM8.9 bilion (AS\$2.1 bilion) (32 peratus), diikuti Brunei RM 5.1 bilion (AS\$1.2 bilion) (18.3 peratus), Amerika Syarikat (AS) RM3.9 bilion (AS\$0.9 bilion) (14.0 peratus), Hong Kong RM3.3 bilion (AS\$0.8 bilion) (11.9 peratus) dan Jepun RM3.2 bilion (AS\$0.8 bilion) (11.5 peratus) daripada jumlah FDI yang diluluskan di

negara itu.

Bagi projek yang diluluskan mengikut negeri pula, lima negeri utama iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Sabah dan Johor menyumbang RM31.8 bilion (AS\$7.6 bilion) (74.3 peratus) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dari Januari hingga Mac 2022.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang menarik untuk pelabur global dengan sektor pembuatan mengekalkan kedudukannya sebagai tonggak utama ekonomi untuk 2022.

“Kami berbangga mempu-

nyai lebih 5,000 syarikat daripada lebih 40 negara yang telah menjadikan Malaysia lokasi untuk operasi pembuatan dan perkhidmatan berkaitan.

“Malaysia akan terus memberi tumpuan kepada pertumbuhan tinggi dan sektor nilai tambah tinggi yang menawarkan peluang pekerjaan yang menarik kepada rakyat Malaysia.

“Selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), Malaysia telah memperoleh pelaburan baharu yang mempunyai kedudukan yang baik dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) dan Alam Sekitar, Prinsip Sosial dan Tadbir Urus (ESG),” ujarnya.